



NEGERI PERAK

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 70
Bil. 1

11hb Januari 2017

*TAMBAHAN No. 2
ENAKMEN*

Enakmen yang berikut telah diluluskan oleh Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan pada 21 November 2016 dan telah diperkenangkan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak pada 27 Disember 2016 disiarkan untuk pengetahuan umum:

The following Enactment passed by the State Legislative Assembly of Perak Darul Ridzuan on 21 November 2016 and assented to by His Royal Highness the Sultan of Perak on 27 December 2016 is published for general information:

No.	Tajuk Ringkas/Short Title
Enakmen 12	Enakmen Lambang, Gelaran dan Anugerah (Mencegah Penggunaan Tidak Wajar) Perak 2016
Enactment 12	Perak Emblems, Titles and Awards (Prevention of Improper Use) Enactment 2016



UNDANG-UNDANG NEGERI PERAK

ENAKMEN 12

**ENAKMEN LAMBANG, GELARAN DAN
ANUGERAH (MENCEGAH PENGGUNAAN
TIDAK WAJAR) PERAK 2016**

Tarikh Perkenan Diraja 27 Disember 2016

Tarikh penyiaran dalam *Warta* 11 Januari 2017

**ENAKMEN LAMBANG, GELARAN DAN ANUGERAH
(MENCEGAH PENGGUNAAN TIDAK WAJAR)
PERAK 2016**

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

**LARANGAN PENGGUNAAN TIDAK WAJAR LAMBANG,
GELARAN DAN ANUGERAH**

3. Larangan penggunaan tidak wajar lambang, gelaran atau anugerah
4. Mengakui sebagai pemegang gelaran atau anugerah
5. Menggunakan gelaran atau anugerah yang dibatalkan atau ditarik balik
6. Menggunakan gelaran atau anugerah bukan hak

BAHAGIAN III

LAMBANG, GELARAN DAN ANUGERAH TIDAK DIIKTIRAF

7. Memberi, menerima dan menggunakan lambang, gelaran atau anugerah tidak diiktiraf
8. Menghadiri, *dll.*, majlis pemberian lambang, gelaran atau anugerah tidak diiktiraf
9. Membuat lambang atau tanda kebesaran anugerah tidak diiktiraf

Seksyen

10. Membuat, *dll.*, peralatan untuk membuat lambang atau tanda kebesaran anugerah tidak diiktiraf
11. Memiliki peralatan atau material untuk membuat lambang atau tanda kebesaran anugerah tidak diiktiraf

BAHAGIAN IV

AM

12. Cubaan dan subahat
13. Pendakwaan
14. Kuasa meminda Jadual
15. Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan
16. Pemansuhan, kecualian dan peralihan

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

UNDANG-UNDANG NEGERI PERAK

ENAKMEN 12

ENAKMEN LAMBANG, GELARAN DAN ANUGERAH (MENCEGAH PENGGUNAAN TIDAK WAJAR) PERAK 2016

BETA PERKENANKAN,

SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH,
Sultan Perak

27 Disember 2016

Suatu Enakmen untuk mengadakan peruntukan bagi mencegah penggunaan tidak wajar lambang yang ditetapkan, gelaran dan anugerah yang dikurniakan oleh Duli Yang Maha Mulia dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

[]

DIPERBUAT oleh Badan Perundangan Negeri Perak Darul Ridzuan seperti berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Lambang, Gelaran dan Anugerah (Mencegah Penggunaan Tidak Wajar) Perak 2016.

(2) Enakmen ini mula berkuat kuasa pada tarikh penyiarannya dalam *Warta*.

Tafsiran

2. Dalam Enakmen ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“anugerah” ertinya apa-apa darjah, Pangkat dan Pingat Kemuliaan dan Darjah, watikah atau tauliah yang dikurniakan

oleh Duli Yang Maha Mulia, yang ditetapkan dalam ruang (1) Jadual Kedua atau disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Perak*;

“Duli Yang Maha Mulia” mempunyai erti yang diberikan kepadanya oleh Perkara IV Bahagian Pertama Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perak Darul Ridzuan;

“gelaran” ertinya apa-apa gelaran yang dikurniakan oleh Duli Yang Maha Mulia, yang ditetapkan dalam Bahagian II Jadual Pertama atau disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Perak*;

“gelaran atau anugerah tidak diiktiraf” ertinya apa-apa gelaran atau anugerah atas apa-apa nama atau reka bentuk yang diadakan atau diberikan oleh mana-mana orang lain, selain daripada Duli Yang Maha Mulia;

“lambang” ertinya apa-apa lambang, mohor, panji-panji Diraja, tanda kebesaran, jata atau gambaran yang ditetapkan dalam Bahagian I Jadual Pertama atau disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Perak*;

“lambang tidak diiktiraf” ertinya apa-apa lambang selain daripada yang ditetapkan dalam Bahagian I Jadual Pertama atau disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Perak*; dan

“tanda kebesaran” ertinya kalung atau bintang kebesaran, anak bintang, lencana atau selepang yang ditetapkan dalam ruang (2) Jadual Kedua.

BAHAGIAN II

LARANGAN PENGGUNAAN TIDAK WAJAR LAMBANG, GELARAN DAN ANUGERAH

Larangan penggunaan tidak wajar lambang, gelaran atau anugerah

3. (1) Walau apa pun peruntukan dalam mana-mana undang-undang bertulis, tiada seorang pun boleh, kecuali dengan kebenaran bertulis daripada Duli Yang Maha Mulia—

- (a) menggunakan apa-apa lambang, gelaran atau anugerah, atau apa-apa replika mengenainya, bagi maksud apa-apa perdagangan, perniagaan, pekerjaan, profesion atau apa-apa tujuan sosial atau persendirian;

- (b) membuat, menempah, menghasilkan dalam apa-apa bentuk atau cara atau menggunakan atau terus menggunakan apa-apa lambang, gelaran atau anugerah, atau apa-apa replika mengenainya, dalam tajuk apa-apa paten atau apa-apa cap dagangan atau reka bentuk;
- (c) membuat bagi maksud jualan atau menjual atau mempamer untuk jualan atau memiliki untuk dijual, apa-apa lambang, gelaran atau anugerah; atau
- (d) mempamer atau melekatkan apa-apa bahan yang mengandungi apa-apa lambang, gelaran atau anugerah, atau apa-apa replika mengenainya kepada apa-apa kenderaan.

(2) Duli Yang Maha Mulia dalam memberikan kebenaran di bawah subseksyen (1) boleh mengenakan apa-apa syarat yang difikirkannya patut.

(3) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak kurang daripada dua ratus lima puluh ribu ringgit dan tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun dan tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Mengakui sebagai pemegang gelaran atau anugerah

4. (1) Tiada orang boleh mengaku dirinya sebagai pemegang sah apa-apa gelaran atau anugerah, kecuali dia dikurniakan gelaran atau anugerah tersebut oleh Duli Yang Maha Mulia.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak kurang daripada satu ratus ribu ringgit dan tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit atau dipenjara selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun dan tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Menggunakan gelaran atau anugerah yang dibatalkan atau ditarik balik

5. (1) Tiada orang boleh menggunakan atau menikmati apa-apa gelaran atau anugerah yang telah dibatalkan atau ditarik balik oleh Duli Yang Maha Mulia.

(2) Pemegang suatu gelaran atau anugerah yang telah dibatalkan atau ditarik balik hendaklah memulangkan apa-apa tanda kebesaran yang dikurniakan ke atasnya.

(3) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) atau (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak kurang daripada satu ratus ribu ringgit dan tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit atau dipenjara selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun dan tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Menggunakan gelaran atau anugerah bukan hak

6. (1) Tiada orang boleh menggunakan atau menikmati apa-apa gelaran atau anugerah dalam apa-apa bentuk atau cara, sekiranya dia tidak berhak untuk menggunakan atau menikmati gelaran atau anugerah tersebut, kecuali—

- (a) isteri pertama yang suaminya telah dikurniakan gelaran atau anugerah dan hendaklah terhenti apabila berlaku perceraian; atau
- (b) bahu pertama yang suaminya telah dikurniakan gelaran atau anugerah semasa hidupnya atau selepas kematiannya dan hendaklah terhenti apabila dia berkahwin semula.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak kurang daripada satu ratus ribu ringgit dan tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit atau dipenjara selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun dan tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

BAHAGIAN III

LAMBANG, GELARAN DAN ANUGERAH TIDAK DIIKTIRAF

Memberi, menerima dan menggunakan lambang, gelaran atau anugerah tidak diiktiraf

7. (1) Tiada orang boleh memberi apa-apa lambang, gelaran atau anugerah tidak diiktiraf kepada mana-mana orang.

- (2) Tiada orang boleh menerima apa-apa lambang, gelaran atau anugerah tidak diiktiraf daripada mana-mana orang.
- (3) Tiada orang boleh menggunakan atau menikmati apa-apa lambang, gelaran atau anugerah tidak diiktiraf dalam apa-apa bentuk atau cara.
- (4) Mana-mana orang yang melanggar peruntukan subseksyen (1), (2) atau (3) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak kurang daripada dua ratus lima puluh ribu ringgit dan tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjara selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun dan tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Menghadiri, *dll.*, majlis pemberian lambang, gelaran atau anugerah tidak diiktiraf

8. (1) Tiada orang boleh menjalankan apa-apa majlis pemberian lambang, gelaran atau anugerah tidak diiktiraf.
- (2) Tiada orang boleh menghadiri, mempromosi atau menyertai majlis pemberian lambang, gelaran atau anugerah tidak diiktiraf.
- (3) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) atau (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak kurang daripada satu ratus ribu ringgit dan tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit atau dipenjara selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun dan tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Membuat lambang atau tanda kebesaran anugerah tidak diiktiraf

9. (1) Tiada orang boleh membuat, atau diketahui melakukan apa-apa bahagian dalam proses pembuatan lambang atau tanda kebesaran anugerah tidak diiktiraf.
- (2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak kurang daripada dua ratus lima puluh ribu ringgit dan tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjara selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun dan tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Membuat, dll., peralatan untuk membuat lambang atau tanda kebesaran anugerah tidak diiktiraf

10. (1) Tiada orang boleh membuat atau membaiki, atau melakukan apa-apa bahagian dalam proses pembuatan, atau pemberian, atau membeli atau menjual, atau melupuskan apa-apa acuan atau peralatan, yang diketahui atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa ianya bertujuan untuk digunakan bagi maksud pembuatan lambang atau tanda kebesaran anugerah tidak diiktiraf.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak kurang daripada dua ratus lima puluh ribu ringgit dan tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjara selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun dan tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Memiliki peralatan atau material untuk membuat lambang atau tanda kebesaran anugerah tidak diiktiraf

11. (1) Tiada orang boleh memiliki apa-apa peralatan atau material, yang diketahui atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa ianya bertujuan untuk digunakan bagi maksud membuat lambang atau tanda kebesaran anugerah tidak diiktiraf.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak kurang daripada dua ratus lima puluh ribu ringgit dan tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjara selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun dan tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

BAHAGIAN IV**AM****Cubaan dan subahat**

12. Sesiapa yang cuba untuk melakukan apa-apa kesalahan yang boleh dihukum di bawah Enakmen ini, atau bersubahat melakukan kesalahan tersebut, boleh dikenakan hukuman sebagaimana diperuntukkan bagi kesalahan tersebut.

Pendakwaan

13. Tiada pendakwaan bagi suatu kesalahan di bawah Enakmen ini boleh dimulakan kecuali oleh atau dengan keizinan bertulis Timbalan Pendakwa Raya.

Kuasa meminda Jadual

14. Duli Yang Maha Mulia boleh, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, meminda Jadual.

Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan

15. Duli Yang Maha Mulia hendaklah mempunyai kuasa untuk membuat peraturan-peraturan sebagaimana yang perlu atau suai manfaat untuk pelaksanaan yang lebih baik bagi Enakmen ini.

Pemansuhan, kecualian dan peralihan

16. (1) Undang-Undang Lambang-Lambang dan Nama-Nama (Mencegah Penggunaan yang Tidak Betul), 1966 [*Enakmen Bil. 7 tahun 1966*] dimansuhkan.

(2) Semua peraturan, kaedah, perisy蒂haran, perintah, pemberitahuan, notis, borang dan surat kebenaran yang dikeluarkan atau dibuat di bawah atau menurut kuasa Enakmen terdahulu hendaklah, pada permulaan kuat kuasa Enakmen ini, terus berkuat kuasa, setakat yang tidak bertentangan dengan Enakmen ini, sehingga dibatalkan atau digantikan oleh peraturan-peraturan, kaedah-kaedah, perisy蒂haran, perintah, pemberitahuan, notis, borang atau surat kebenaran yang dikeluarkan atau dibuat di bawah Enakmen ini.

JADUAL PERTAMA

[seksyen 2]

BAHAGIAN I – LAMBANG

1. Jata Diraja bagi:

(a) Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan;

- (b) Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan;
 - (c) Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perak Darul Ridzuan; dan
 - (d) Duli Yang Amat Mulia Raja DiHilir Perak Darul Ridzuan.
2. Mohor Diraja Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan.
 3. Panji-panji Diraja bagi:
 - (a) Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan;
 - (b) Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan;
 - (c) Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perak Darul Ridzuan; dan
 - (d) Duli Yang Amat Mulia Raja DiHilir Perak Darul Ridzuan.
 4. Tanda Kebesaran bagi Pangkat dan Pingat Kemuliaan dan Darjat yang diadakan oleh Duli Yang Maha Mulia.
 5. Lambang Rasmi Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli Dewan Negara dan Orang Besar Perak.

BAHAGIAN II – GELARAN

1. Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan.
2. Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan.
3. Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perak Darul Ridzuan.
4. Duli Yang Teramat Mulia Raja Puan Besar Perak Darul Ridzuan.
5. Duli Yang Amat Mulia Raja DiHilir Perak Darul Ridzuan.
6. Duli Yang Amat Mulia Raja Puan Muda Perak Darul Ridzuan.
7. Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Tuanku Bainun.
8. Yang Teramat Mulia Raja-Raja Yang Bergelar.

9. Orang Besar Empat.
10. Orang Besar Lapan.
11. Toh Muda.
12. Orang Besar Enam Belas.
13. Orang Besar Tiga Puluh Dua.
14. Penerima Pangkat dan Pingat Kemuliaan dan Darjat.

JADUAL KEDUA
[seksyen 2]

SENARAI PANGKAT DAN PINGAT KEMULIAAN DAN DARJAT

(1) Pangkat dan Pingat Kemuliaan dan Darjat	(2) Tanda Kebesaran
1. Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati (D.K.)	
2. Darjah Kerabat Seri Paduka Sultan Azlan Shah (D.K.S.A.)	
3. Darjah Kerabat Azlanii (D.K.A.)	
4. Darjah Kerabat Azlanii II (D.K.A. II)	

*Lambang, Gelaran dan Anugerah ENAKMEN 12
(Mencegah Penggunaan Tidak Wajar)
Perak*

(1) Pangkat dan Pingat Kemuliaan dan Darjat	(2) Tanda Kebesaran
5. Darjah Kebesaran Seri Paduka Sultan Azlan Shah (S.P.S.A.)	
6. Darjah Seri Paduka Sultan Nazrin Shah (S.P.S.N.)	
7. Darjah Kebesaran Dato' Seri Azlanii (D.S.A.)	
8. Darjah Dato' Seri Paduka Cura Si Manja Kini (S.P.C.M.)	

(1) Pangkat dan Pingat Kemuliaan dan Darjat	(2) Tanda Kebesaran
9. Darjah Dato' Seri Paduka Mahkota Perak (S.P.M.P.)	 A blue sash with gold embroidery and a circular star-shaped badge.
10. Darjah Dato' Seri Panglima Taming Sari (S.P.T.S.)	 A red sash with gold embroidery and a circular star-shaped badge.
11. Darjah Dato' Paduka Cura Si Manja Kini (D.P.C.M.)	 A green sash with gold embroidery and a circular star-shaped badge.
12. Darjah Dato' Paduka Mahkota Perak (D.P.M.P.)	 A light blue sash with gold embroidery and a circular star-shaped badge.

*Lambang, Gelaran dan Anugerah ENAKMEN 12
(Mencegah Penggunaan Tidak Wajar)
Perak*

(1) Pangkat dan Pingat Kemuliaan dan Darjat	(2) Tanda Kebesaran
13. Darjah Dato' Pahlawan Taming Sari (D.P.T.S.)	
14. Darjah Ahli Paduka Cura Si Manja Kini (P.C.M.)	
15. Darjah Ahli Paduka Mahkota Perak (P.M.P.)	
16. Darjah Ahli Perwira Taming Sari (P.T.S.)	

(1) Pangkat dan Pingat Kemuliaan dan Darjat	(2) Tanda Kebesaran
17. Darjah Ahli Cura Si Manja Kini (A.C.M.)	
18. Darjah Ahli Mahkota Perak (A.M.P.)	
19. Darjah Ahli Hulubalang Taming Sari (H.T.S.)	
20. Darjah Ahli Kesatria Taming Sari (K.T.S.)	

*Lambang, Gelaran dan Anugerah ENAKMEN 12
(Mencegah Penggunaan Tidak Wajar)
Perak*

(1) Pangkat dan Pingat Kemuliaan dan Darjat	(2) Tanda Kebesaran
21. Darjah Ahli Perajurit Taming Sari (A.T.S.)	
22. Pingat Keberanian Handal (P.K.H.)	
23. Pingat Pekerti Terpilih (P.P.T.)	
24. Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K.)	

(1) Pangkat dan Pingat Kemuliaan dan Darjat	(2) Tanda Kebesaran
25. Pingat Lama Perkhidmatan (P.L.P.)	

Bertarikh 28 Oktober 2016

[PSUK.PK(DUN&MMK)100/1/12 Jld. 2; PU.Pk. 6/2016]

DATO' ROHANA ABD MALEK
*Penasihat Undang-Undang Negeri
Perak Darul Ridzuan*



LAWS OF THE STATE OF PERAK

ENACTMENT 12

**PERAK EMBLEMS, TITLES AND AWARDS
(PREVENTION OF IMPROPER USE)
ENACTMENT 2016**

Date of Royal Assent 27 December 2016

Date of publication in the *Gazette* 11 January 2017

**PERAK EMBLEMS, TITLES AND AWARDS
(PREVENTION OF IMPROPER USE) ENACTMENT 2016**

ARRANGEMENT OF SECTIONS

PART I

PRELIMINARY

Section

1. Short title and commencement
2. Interpretation

PART II

**PROHIBITION OF IMPROPER USE OF EMBLEMS, TITLES AND
AWARDS**

3. Prohibition of improper use of emblems, titles or awards
4. Representing as holder of titles or awards
5. Using revoked or withdrawn titles or awards
6. Using unentitled titles or awards

PART III

UNRECOGNIZED EMBLEMS, TITLES AND AWARDS

7. Giving, receiving and using unrecognized emblems, titles or awards
8. Attending, *etc.*, award ceremony for unrecognized emblems, titles or awards
9. Making of unrecognized emblems or insignias of awards

Section

10. Making, *etc.*, instrument to make unrecognized emblems or insignias of awards
11. Possession of instrument or material to make unrecognized emblems or insignias of awards

PART IV

GENERAL

12. Attempts and abetments
13. Prosecution
14. Power to amend Schedule
15. Power to make regulations
16. Repeal, savings and transitional

FIRST SCHEDULE

SECOND SCHEDULE

LAWS OF THE STATE OF PERAK**ENACTMENT 12****PERAK EMBLEMS, TITLES AND AWARDS
(PREVENTION OF IMPROPER USE) ENACTMENT 2016**

I ASSENT,

SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH,
Sultan of Perak

27 December 2016

An Enactment to provide for the prevention of improper use of prescribed emblems, conferred titles and awards by His Royal Highness and matters connected therewith.

[]

ENACTED by the Legislature of the State of Perak Darul Ridzuan as follows:

PART I
PRELIMINARY

Short title and commencement

1. (1) This Enactment may be cited as the Perak Emblems, Titles and Awards (Prevention of Improper Use) Enactment 2016.

(2) This Enactment comes into operation on the date of its publication in the *Gazette*.

Interpretation

2. In this Enactment, unless the context otherwise requires—

“awards” means any dignities, Orders and Badges of Honour and Dignity, credential or commission conferred by His Royal Highness, prescribed under column (1) of the Second Schedule or published in the Perak Government *Gazette*;

“His Royal Highness” has the meaning assigned to it in Article IV of the First Part of the Laws of the Constitution of Perak Darul Ridzuan;

“titles” means any titles conferred by His Royal Highness, prescribed under Part II of the First Schedule or published in the Perak Government *Gazette*;

“unrecognized titles or awards” means any titles or awards by any name or design instituted or granted by any person, other than His Royal Highness;

“emblems” means any emblem, seal, Royal standard, insignia, coat of arms or pictorial representation prescribed in Part I of the First Schedule or published in the Perak Government *Gazette*;

“unrecognized emblems” means any emblem other than those prescribed under Part I of the First Schedule or published in the Perak Government *Gazette*; and

“insignias” means collar or star of the order, miniature, badge or sash prescribed in column (2) of the Second Schedule.

PART II

PROHIBITION OF IMPROPER USE OF EMBLEMS, TITLES AND AWARDS

Prohibition of improper use of emblems, titles or awards

3. (1) Notwithstanding anything contained in any written law, no person shall, except with the written permission of His Royal Highness —

- (a) use any emblem, titles or awards, or any replica thereof, for the purpose of any trade, business, calling, profession or any social or personal purposes;

- (b) make, order, produce in any form or manner or use or continue to use any emblem, titles or awards, or any replica thereof, in the title of any patent, or in any trade mark or design;
 - (c) make for the purpose of sale or sell or display for sale or have in his possession for sale, any emblem, titles or awards; or
 - (d) display on or affix to any vehicle, any material containing any emblem, titles or awards or any replica thereof.
- (2) His Royal Highness in granting any permission under subsection (1) may impose any condition as he thinks fit.
- (3) Any person who contravenes subsection (1) commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not less than two hundred and fifty thousand ringgit and not more than five hundred thousand ringgit or to imprisonment for a term not less than one year and not more than five years or to both.

Representing as holder of titles or awards

4. (1) No person shall represent himself as a valid holder of any titles or awards, unless he was conferred with such titles or awards by His Royal Highness.
- (2) Any person who contravenes subsection (1) commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not less than one hundred thousand ringgit and not more than two hundred and fifty thousand ringgit or to imprisonment for a term not less than one year and not more than three years or to both.

Using revoked or withdrawn titles or awards

5. (1) No person shall use or enjoy any titles or awards that has been revoked or withdrawn by His Royal Highness.

(2) The holder of any revoked or withdrawn titles or awards shall return any insignia conferred upon him.

(3) Any person who contravenes subsection (1) or (2) commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not less than one hundred thousand ringgit and not more than two hundred and fifty thousand ringgit or to imprisonment for a term not less than one year and not more than three years or to both.

Using unentitled titles or awards

6. (1) No person shall use or enjoy any titles or awards in any form or manner, if he is not entitled to use or enjoy such titles or awards, except—

- (a) the first wife whose husband has been conferred with titles or awards and shall cease on divorce; or
- (b) the first widow whose husband has been conferred with titles or awards during his life time or after his death and shall cease on remarriage.

(2) Any person who contravenes subsection (1) commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not less than one hundred thousand ringgit and not more than two hundred and fifty thousand ringgit or to imprisonment for a term not less than one year and not more than three years or to both.

PART III

UNRECOGNIZED EMBLEMS, TITLES AND AWARDS

Giving, receiving and using unrecognized emblems, titles or awards

7. (1) No person shall give any unrecognized emblems, titles or awards to any person.

(2) No person shall receive any unrecognized emblems, titles or awards from any person.

(3) No person shall use or enjoy any unrecognized emblems, titles or awards in any form or manner.

(4) Any person who contravenes subsection (1), (2) or (3) commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not less than two hundred and fifty thousand ringgit and not more than five hundred thousand ringgit or to imprisonment for a term not less than one year and not more than five years or to both.

Attending, etc., award ceremony for unrecognized emblems, titles or awards

8. (1) No person shall conduct any award ceremony for unrecognized emblems, titles or awards.

(2) No person shall attend, promote or participate in any award ceremony for unrecognized emblems, titles or awards.

(3) Any person who contravenes subsection (1) or (2) commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not less than one hundred thousand ringgit and not more than two hundred and fifty thousand ringgit or to imprisonment for a term not less than one year and not more than three years or to both.

Making of unrecognized emblems or insignias of awards

9. (1) No person shall make, or knowingly perform any part of the process of making any unrecognized emblems or insignias of awards.

(2) Any person who contravenes subsection (1) commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not less than two hundred and fifty thousand ringgit and not more than five hundred thousand ringgit or to imprisonment for a term not less than one year and not more than five years or to both.

Making, etc., instrument to make unrecognized emblems or insignias of awards

10. (1) No person shall make or mend, or perform any part of the process of making or mending, or buy or sell, or dispose of any die or instrument, knowing or having reason to believe that the same is intended to be used for the purpose of making unrecognized emblems or insignias of awards.

(2) Any person who contravenes subsection (1) commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not less than two hundred and fifty thousand ringgit and not more than five hundred thousand ringgit or to imprisonment for a term not less than one year and not more than five years or to both.

Possession of instrument or material to make unrecognized emblems or insignias of awards

11. (1) No person shall be in possession of any instrument or material, knowing or having reason to believe that the same is intended to be used for the purpose of making unrecognized emblems or insignia of awards.

(2) Any person who contravenes subsection (1) commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not less than two hundred and fifty thousand ringgit and not more than five hundred thousand ringgit or to imprisonment for a term not less than one year and not more than five years or to both.

PART IV**GENERAL****Attempts and abetments**

12. Whoever attempts to commit any offence punishable under this Enactment, or abets the commission of such offence, shall be punishable with the punishment provided for such offence.

Prosecution

13. No prosecution for any offence under this Enactment shall be instituted except by or with the written consent of the Deputy Public Prosecutor.

Power to amend Schedule

14. His Royal Highness may, by notification in the *Gazette*, amend the Schedule.

Power to make regulations

15. His Royal Highness shall have the power to make regulations as are necessary or expedient for the better carrying out of this Enactment.

Repeal, savings and transitional

16. (1) The Emblems and Names (Prevention of Improper Use) Enactment, 1966 [*Enactment No. 7 of 1966*] is repealed.

(2) All regulations, rules, proclamations, orders, notifications, notices, forms and authorization letters issued or made under or by virtue of the previous Enactment shall, on the coming into operation of this Enactment, remain in force, in so far as they are not inconsistent with this Enactment, until revoked or replaced by regulations, rules, proclamations, orders, notifications, notices, forms or authorization letters issued or made under this Enactment.

FIRST SCHEDULE

[section 2]

PART I – EMBLEMS

1. The Royal Coat of Arms of:

(a) Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan;

- (b) Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan;
 - (c) Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perak Darul Ridzuan; and
 - (d) Duli Yang Amat Mulia Raja DiHilir Perak Darul Ridzuan.
2. The Royal Seal of Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan.
 3. The Royal Standards of:
 - (a) Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan;
 - (b) Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan;
 - (c) Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perak Darul Ridzuan; and
 - (d) Duli Yang Amat Mulia Raja DiHilir Perak Darul Ridzuan.
 4. The Insignias of Orders and Badges of Honour and Dignity instituted by His Royal Highness.
 5. Official Crest of Members of the State Executive Council, Member of Dewan Negara and Orang Besar Perak.

PART II – TITLES

1. Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan.
2. Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan.
3. Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perak Darul Ridzuan.
4. Duli Yang Teramat Mulia Raja Puan Besar Perak Darul Ridzuan.
5. Duli Yang Amat Mulia Raja DiHilir Perak Darul Ridzuan.
6. Duli Yang Amat Mulia Raja Puan Muda Perak Darul Ridzuan.
7. Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Tuanku Bainun.

8. Yang Teramat Mulia Raja-Raja Yang Bergelar.
9. Orang Besar Empat.
10. Orang Besar Lapan.
11. Toh Muda.
12. Orang Besar Enam Belas.
13. Orang Besar Tiga Puluh Dua.
14. The recipient of Orders and Badges of Honour and Dignity.

SECOND SCHEDULE

[section 2]

LIST OF ORDERS AND BADGES OF HONOUR AND DIGNITY

(1) Orders and Badges of Honour and Dignity	(2) Insignia
1. Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati (D.K.)	
2. Darjah Kerabat Seri Paduka Sultan Azlan Shah (D.K.S.A.)	
3. Darjah Kerabat Azlanii (D.K.A.)	
4. Darjah Kerabat Azlanii II (D.K.A. II)	

(1) Orders and Badges of Honour and Dignity	(2) Insignia
5. Darjah Kebesaran Seri Paduka Sultan Azlan Shah (S.P.S.A.)	
6. Darjah Seri Paduka Sultan Nazrin Shah (S.P.S.N.)	
7. Darjah Kebesaran Dato' Seri Azlanii (D.S.A.)	
8. Darjah Dato' Seri Paduka Cura Si Manja Kini (S.P.C.M.)	

(1) Orders and Badges of Honour and Dignity	(2) Insignia
9. Darjah Dato' Seri Paduka Mahkota Perak (S.P.M.P.)	 The insignia consists of a blue sash with gold-yellow piping, a blue ribbon with gold-yellow piping, and a circular blue star-shaped badge with gold-yellow piping.
10. Darjah Dato' Seri Panglima Taming Sari (S.P.T.S.)	 The insignia consists of a red sash with gold-yellow piping, a red ribbon with gold-yellow piping, and a circular red star-shaped badge with gold-yellow piping.
11. Darjah Dato' Paduka Cura Si Manja Kini (D.P.C.M.)	 The insignia consists of a green sash with gold-yellow piping, a green ribbon with gold-yellow piping, and a circular green star-shaped badge with gold-yellow piping.
12. Darjah Dato' Paduka Mahkota Perak (D.P.M.P.)	 The insignia consists of a light blue sash with gold-yellow piping, a light blue ribbon with gold-yellow piping, and a circular light blue star-shaped badge with gold-yellow piping.

(1) Orders and Badges of Honour and Dignity	(2) Insignia
13. Darjah Dato' Pahlawan Taming Sari (D.P.T.S.)	 The insignia consists of a red sash with gold-yellow piping, tied in a knot at the top. A gold-yellow star-shaped medal with a central emblem hangs from the knot.
14. Darjah Ahli Paduka Cura Si Manja Kini (P.C.M.)	 The insignia includes a green V-shaped ribbon with gold-yellow piping, a green bow at the bottom, and a gold-yellow star-shaped medal with a central emblem.
15. Darjah Ahli Paduka Mahkota Perak (P.M.P.)	 The insignia features a light blue V-shaped ribbon with gold-yellow piping, a light blue bow at the bottom, and a gold-yellow star-shaped medal with a central emblem.
16. Darjah Ahli Perwira Taming Sari (P.T.S.)	 The insignia has a red V-shaped ribbon with gold-yellow piping, a red bow at the bottom, and a gold-yellow star-shaped medal with a central emblem.

(1) Orders and Badges of Honour and Dignity	(2) Insignia
17. Darjah Ahli Cura Si Manja Kini (A.C.M.)	 <p>The insignia consists of a green ribbon with a gold star-shaped medal. The medal features a central emblem.</p>
18. Darjah Ahli Mahkota Perak (A.M.P.)	 <p>The insignia consists of a blue ribbon with a gold star-shaped medal. The medal features a central emblem.</p>
19. Darjah Ahli Hulubalang Taming Sari (H.T.S.)	 <p>The insignia consists of a red, white, and yellow striped ribbon with a small gold star-shaped medal.</p>
20. Darjah Ahli Kesatria Taming Sari (K.T.S.)	 <p>The insignia consists of a red, white, and yellow striped ribbon with a purple star-shaped medal.</p>

(1) Orders and Badges of Honour and Dignity	(2) Insignia
21. Darjah Ahli Perajurit Taming Sari (A.T.S.)	
22. Pingat Keberanian Handal (P.K.H.)	
23. Pingat Pekerti Terpilih (P.P.T.)	
24. Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K.)	

(1) Orders and Badges of Honour and Dignity	(2) Insignia
25. Pingat Lama Perkhidmatan (P.L.P.)	

Dated 28 October 2016

[PSUK.PK(DUN&MMK)100/1/12 Jld. 2; PU.Pk. 6/2016]

DATO' ROHANA ABD MALEK
State Legal Adviser
Perak Darul Ridzuan

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
 PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
 CAWANGAN IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN
 BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA